

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2019

SOALAN NO. 20

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dan JAKOA bagi menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli terutamanya isu ketagihan arak murah dan berkahwin dengan warganegara asing yang tidak mengikut peraturan undang-undang kerana terdapat sesetengah kes yang mengakibatkan anak yang dilahirkan tidak mendapat pembelaan.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY, MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil beberapa tindakan ke arah menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli, di antaranya :

i) telah mengadakan program kempen kesedaran kepentingan gaya hidup sihat bersama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Mini Mesra Kesihatan di beberapa buah penempatan Masyarakat Orang Asli ;

NO. SOALAN : 20

ii) dalam proses merangka Garis Panduan Komuniti Sihat melalui konsep “Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Orang Asli bersama dengan pihak KKM di mana melibatkan modul pengawalan ketagihan minum arak, pemakanan sihat, keluarga sihat dan lain-lain lagi ;

iii) memperkasakan rakan sinergi strategik keselamatan penempatan Masyarakat Orang Asli yang melibatkan dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Maysia (RELA), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKK OA) dan Tok Batin / Penghulu orang Asli di setiap daerah berkaitan ;

iv) telah mengadakan Program Bersama Rakyat (PBR) di beberapa buah penempatan komuniti Orang Asli yang melibatkan beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan dan NGO seperti Jabatan Penerangan Malaysia (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), BOMBA, KKM, Yayasan Orang Asli Pahang Prihatin, Yayasan Orang Asli Perak dan National Diabetes Institute (NADI) ;

v) JAKOA dalam proses semakan pemurnian beberapa klausa bagi Akta 134 , Akta Orang Asli dan beberapa Garis Panduan berkaitan Orang Asli ke arah memperkasakan hak institusi sosial kemasyarakatan dan keluarga Orang Asli.

vi) Mengenai masalah warganegara asing yang berkahwin dengan Orang Asli, kerajaan memang meneliti perkara ini. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak boleh campurtangan dalam urusan dan hak serta kebebasan Orang Asli untuk berkhawin dengan pasangan yang mereka pilih samada warganegara atau bukan warganegara.

Sekian, terima kasih.